

Karya Seni Negaraku

Cikgu Hazim menampal gambar bangunan-bangunan bersejarah pada papan putih. Cikgu Hazim menerangkan cara menghasilkan montaj kepada murid-murid di dalam kelas.



Mula-mula, kenal pasti huruf-huruf dan _____ yang diperlukan. Kemudian, guntingkan _____ itu dengan berhati-hati. Seterusnya, tampalkan huruf-huruf dan gambar-gambar yang telah digunting pada kertas lukisan. Hias montaj dengan kertas-kertas berwarna atau _____ daripada _____ dan surat khabar. Akhir sekali, tampalkan _____ yang telah siap di sudut hasil kerja murid.

montaj-montaj

bahan-bahan

gambar-gambar

majalah-majalah

perkataan-perkataan



Munshi Cilik

Kata ganda penuh ialah proses yang menggandakan keseluruhan kata dasar.

Contoh:

gambar-gambar, kertas-kertas, majalah-majalah, huruf-huruf, perkataan-perkataan